

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA - PKR]**

SOALAN NO. 507

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berikutan pendedahan bahawa Milo mempunyai kandungan gula yang terlalu tinggi dan boleh menyebabkan obesiti, sama ada pihak Kementerian berhasrat untuk memutuskan pertalian dengan Milo sebagai penaja rasmi aktiviti-aktiviti kesukanan Malaysia.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penajaan syarikat Nestle melalui produk Milo dalam aktiviti-aktiviti sukan merupakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat berkenaan yang secara tidak langsung memberi faedah kepada penganjur dari segi tajaan kewangan mahupun barangan.
2. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berpendapat bahawa sama ada program ditaja oleh pihak Nestle ataupun pihak lain, perkara yang sewajarnya perlu diberikan perhatian di sini adalah tajaan tersebut telah dapat membantu dalam menjayakan aktiviti kesukanan di Malaysia. Kesedaran sukan yang tinggi akan seterusnya menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.